



Bab II

ISLAM DAN POLITIK

1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah satu sistem Ilahi yang mempunyai peraturan lengkap yang saling menyempurnakan di antara satu sama lain malah tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain. Ajaran-ajaran Islam mengandungi dasar-dasar pokok dalam persoalan politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Peraturan keimanan terhadap Islam tidak mengharuskan mana-mana orang mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain daripada ajaran dan kandungan al-Qur'an.

Jika dibandingkan dengan agama-agama lain, politik dan pentadbiran di dalam Islam mempunyai kedudukan yang jelas dan nyata. Catatan sejarah Islam terhadap *Sirah Nabawiyah* membuktikan Rasulullah s.a.w. cukup mengambil berat terhadap persoalan pembinaan sistem politik Islam sebagaimana yang tergambar daripada falsafah Hijrah baginda s.a.w. daripada Mekah ke Madinah. Justeru, tiada siapa yang sanggup mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w. hanya menitikberatkan persoalan ibadah, akidah dan pendidikan semata-mata tanpa mengambil berat terhadap masalah politik negara Islam.

Memang tidak diragui lagi bahawa bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa Islam bukanlah semata-mata kepercayaan agama malah ia turut menyelaraskan antara persoalan-persoalan kerohanian dengan soal-soal semasa, di antara akidah dengan perundangan dan di antara ibadah dengan muamalah. Semuanya telahpun wujud semenjak terbentuknya negara Islam pertama di Madinah sehingga lahirlah sebuah masyarakat Islam yang tulen.

2.0 PENGERTIAN POLITIK

2.1 Menurut Falsafah Barat

Perkataan ‘politik’ mulai popular di Barat semenjak zaman Plato (427-347 S.M) dan Aristotle (384-322 S.M) lagi tetapi ia telah dirahsiakan daripada pengetahuan rakyat tanah-tanah jajahan di Timur kerana kebimbangan kuasa-kuasa imperialis terhadap kemungkinan penduduk tempatan menubuhkan pemerintahan sendiri.¹

Di Malaysia dan Indonesia, perkataan ‘politik’ hanya dikenali pada akhir abad ke-19M. Di Indonesia, gerakan politik bermula dengan terdirinya Syarikat Islam (1912). Perkataan ‘politik’ hanya digunakan secara meluas selepas Perang Dunia ke-2 apabila sahaja Indonesia berjaya mencapai kemerdekaan.² Manakala di Malaysia pula perkataan ini mulai terkenal apabila lahirnya gerakan nasionalisme Melayu yang berakhir dengan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.³

‘Politik’ berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘politikus’ daripada akar kata ‘polis’ iaitu ‘negara kota’. Ia juga dikatakan berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘politica’ yang telah digunakan sejak abad ke 5 S.M lagi. Pada peringkat awal, orang-orang Yunani Kuno yang menjadikan Kota Athen sebagai pusat pemerintahan mereka telah menganggap dunia ini hanya wilayah mereka sahaja dan ia dikenali sebagai ‘polis’ (negara kota).⁴

¹H. Zainal Abidin, (1977), *Ihsan Politik Islam*, jil. 1, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 18 dan Randall B. Ripley, (1987), “Political Science”, *Encyclopaedia of Americana*, jil. 22, Connecticut: Grolier Incorporated, hal. 349.

²H. Zainal Abidin, *ibid*, hal. 19 dan Randall B. Ripley, *ibid*.

³H. Zainal Abidin, *ibid*.

⁴*Ibid*.

Selepas Athen bergabung dengan kota Sparta, Thesallia, Corynthe, Mylithos dan Samos, konsep ‘polis’ menjadi semakin luas dengan meliputi kota-kota yang baru bergabung itu.

Plato di dalam karya agungnya, *Politeia* dan Aristotle di dalam *Politica* adalah 2 orang ahli falsafah Yunani terawal yang menggunakan istilah ini. Inilah juga 2 buah buku terawal yang membincangkan tentang politik dan menjadi perintis kepada kelahiran disiplin ilmu Sains Politik.⁵ Di sisi ahli-ahli fikir Yunani, manusia adalah haiwan politik dan semua jenis hubungan manusia adalah bersifat politik. Bagi Aristotle, ilmu politik menjadi ibu kepada segala ilmu.

Niccolo Machiavelli (1469-1527) di dalam bukunya, *La Prince*, memberikan 5 definisi politik iaitu:

- i. Kekuatan. Setiap pihak sentiasa cuba mengukuhkan kekuatan. Sesiapa yang kuat dialah yang menjadi pemerintah.
- ii. Balas-membalas. Jika seseorang menuduh seseorang yang lain, ia harus dibalas. Jika yang dituduh berdiam diri maka bererti dia lemah dan menjadi mangsa kekejaman pihak yang menuduh.
- iii. Kemenangan. Semakin lemah pihak lawan maka semakin berkuasa dia dan kemenangan berada di pihaknya.
- iv. Topeng. Hipokrit, tipu-menipu serta scribu satu taktik dan muslihat yang digunakan untuk mengalahkan lawan. Sesiapa yang paling pintar menipu, dialah yang berjaya dan berkuasa.
- v. Kelemahan lawan. Sesiapa yang mengetahui kelemahan lawan, dia akan berjaya menguasai lawannya. Kemenangan hanya dapat dicapai setelah mengetahui kelemahan pihak lawan.⁶

⁵ *Ibid*, hal. 20.

⁶ *Ibid*. hal. 89.

'Kamus Bahasa Indonesia' menjelaskan bahawa perkataan 'politik' berasal daripada perkataan Belanda yang membawa maksud tipu, muslihat, pemerintahan, perperangan, tipu muslihat perperangan dan sebagainya.⁷ Manakala di dalam 'Kamus Indonesia' pula 'politik' adalah sebagai ilmu yang berkaitan dengan keamanan negeri, akal, muslihat sesuatu pergerakan dan perhimpunan.⁸

Selain itu, di dalam 'Ensiklopedia Indonesia' perkataan 'politik' dikenali di dalam Bahasa Latin sebagai *politica*, Bahasa Yunani *Politikus*, Bahasa Belanda *politiek*, Bahasa Perancis *politique*, Bahasa Inggeris *politic* dan Bahasa Arab sebagai *siāsah*.⁹

Di dalam sejarah tamadun awal manusia, perkembangan kehidupan seperti di tebing-tebing sungai Eupharates dan Tigris memerlukan mereka membuat penyusunan kehidupan secara lebih bersistem yang memerlukan kerjasama setiap individu. Kehidupan politik wujud sebaik sahaja mereka bertamadun dan dipraktikkan apabila mula hidup secara kolektif dalam satu-satu komuniti. Keadaan demikian mendesak manusia agar membuat pelbagai keputusan yang melibatkan tindakan bersama mereka.¹⁰ Justeru itu, 'politik' juga disebut 'the art of possible' iaitu suatu seni yang memungkinkan segala-galanya dapat dicapai.¹¹

Dalam kehidupan sosial, istilah 'politik' digunakan untuk menandakan semua proses pembentukan keputusan yang melibatkan orang ramai. Jadi 'politik' dianggap sebagai persaingan untuk menentukan siapa mendapat apa, bila dan bagaimana.¹²

⁷St. Muhammad Zain, (t.t), **Kamus Bahasa Indonesia**, Jakarta: Yayasan Dharma, hal. 718.

⁸E. St. Haraphap, (1951), **Kamus Indonesia**, Bandung: G. Kolf & Co., hal. 718.

⁹Husain Manaf, **Ensiklopedia Indonesia**, hal. 247.

¹⁰K. Ramanathan, (1992), **Asas Sains Politik**, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti, hal. 2

¹¹Caroline Rathbone, Michael Stephenson, (1985), **Pocket Companion Guide to Political Quotation**, Harlow: Longman, hal. 190.

¹²*Ibid* hal. 89.

Sementara itu, di dalam *International Encyclopedia of Social Science*, ‘politik’ dimaksudkan sebagai suatu kegiatan mengagihkan bahan-bahan yang terhad.¹³ Ada pula individu yang mentakrifkan ‘politik’ sebagai suatu kaedah di mana segala keputusan dibuat tentang bagaimana dan bila kerajaan akan atau tidak akan bertindak.¹⁴

Kesimpulannya ‘politik’ bererti satu badan pentadbiran yang mentadbir sesbuah masyarakat bertujuan untuk memperbaiki kedudukan sesebuah negara dan pentadbiran masyarakat untuk menjamin kesempurnaan dan kebaikan yang sejati di dalam masyarakat tersebut.

2.2 Menurut Falsafah Islam

Di dalam Islam, perkataan ‘politik’ sering digantikan dengan perkataan Arab iaitu *siāsah*. Di dalam Bahasa Arab, *siāsah* bererti melakukan kebaikan untuk sesuatu¹⁵ dan mengendalikan sesuatu urusan.¹⁶

Menurut seorang ahli sejarah Islam yang terkemuka, al-Maqrīzī (m. 845H/1442M), pengertian ini kemudian dikembangkan sehingga bermaksud apa sahaja peraturan yang bertujuan untuk menjaga tata susila, kepentingan dan sistem kehidupan. Berasaskan kepada pengertian yang luas ini maka beliau membahagikan *siāsah* kepada dua iaitu *siāsah* yang adil yang merupakan sebahagian daripada hukum syarak dan

¹³ International of Social Science, S V., (t 1), *Political Science*, hal. 10.

¹⁴ Strum, P & Schminman, (1969), *On Studying Political Science*, New York, hal. 10.

¹⁵ Ibnu Manzur, Muhammad bin Makram, (1990), *op.cit.*

¹⁶ Ibrahim Anis dan rakan-rakan, Dr., (1972), *al-Mu'jam al-Wasif*, juz. 1, cet. 2, Qaherah, hal. 462.

sīāsah yang zalim yang diharamkan oleh syarak.¹⁷

Dari sudut istilah ada yang mendefinisikan *sīāsah* dengan “melingkungi masyarakat dengan sesuatu yang membawa maslahah kepada masyarakat sama ada lembut atau keras”.¹⁸ Menerusi takrif ini, cara pemerintahan yang betul ialah dengan berlembut di tempat yang sepatutnya. Pandangan ini dapat dibuktikan dengan ucapan Umar bin al-Khaṭṭāb:

“Urusan ini tidak layak dikendalikan kecuali oleh mereka yang mempunyai empat sifat: lembut tetapi tidak lemah, tegas tetapi bukan kasar, berdikiti tetapi bukan bakhil dan pemurah tetapi bukan boros. Jika salah satu daripadanya tiada, yang tiga lagi akan turut rosak.”¹⁹

Bagi seorang sarjana Islam, Abdul Wahhab Khallaf *sīāsah* ialah mentadbir urusan awam di negara Islam dengan sesuatu yang dapat melaksanakan kepentingan dan menolak bencana selagi tidak menyalahi hukum syarak dan dasar-dasar pokoknya sekalipun tidak sepakat dengan kata ulama *mujtahidin*.²⁰

Ada juga yang mendefinisikan *sīāsah* sebagai pekerjaan yang boleh membawa manusia lebih hampir kepada kebaikan dan menjauhkan daripada kemungkaran sekalipun tidak disyariatkan oleh Rasulullah s.a.w.²¹

¹⁷ Dipetik daripada Khallaf, Abdul Wahhab, (1984), *Al-Sīāsah al-Syar'iyyah*, ed. ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 6.

¹⁸ Al-Nasāfi, Najmuddin Abu Hafaz Omar bin Muhammad, (1131H), *Talabah al-Talabah fī al-Isfīlahāt al-Fiqhiyyah*, Baghdad: Matba'ah al-Muthanna, hal. 167.

¹⁹ Al-Muttaqi Alaudin Ali bin Hisamuddin al-Muttaqi al-Hindi, (1313H), *Muntaqab Kanz al-'Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*, jil. 2, Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi, hal. 143.

²⁰ Khallaf, Abdul Wahhab, *op.cit.*, hal. 14.

²¹ Ibn. al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar al-Zar'i, (1955), *'Alam al-Muwāqi'i 'an Rabb al-'Ālamān*, cet. 2, juz. 4, Mesir: Matba'ah al-Sa'ādah, hal. 372.

Menurut pandangan ini sesiapa yang mengatakan bahawa *siāsah* itu hanyalah menjalankan hukum yang telah ditetapkan oleh agama semata-mata maka dia sudah salah berfikir malah dia scolah-olah telah menyalahkan para sahabat kerana para sahabat pernah melaksanakan hukum-hukum yang tidak diterangkan oleh agama tetapi ia tidak dimungkiri oleh ulama pada masa itu, misalnya hukum membakar orang-orang zindik.²²

Justeru daripada takrif ini kita melihat *siāsah* sebagai sesuatu yang fleksibel, sentiasa hidup dan sesuai untuk semua zaman dan setiap tempat. Hal ini kerana definisi ini melihat *siāsah* sebagai semua perbuatan dan sistem yang dapat membawa manusia lebih hampir kepada kebaikan (maslahah) dan kebahagiaan sekalipun sistem itu bukan datangnya daripada Allah Ta'āla dan Rasul-Nya s.a.w.

Daripada beberapa takrif yang telah dikemukakan tadi, beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu:

- i. Semua takrif sepakat menyatakan bahawa *siāsah* yang diterima syarak sehingga layak disebut sebagai *siāsah syar'iyyah* ialah *siāsah* yang dapat mentadbir urusan agama dan manusia dengan cara yang boleh membawa kepada maslahah di dunia dan di akhirat dengan menggunakan pelbagai cara dan teknik asalkan ia tidak bercanggah dengan hukum-hukum Islam.
- ii. Fokus *siāsah syar'iyyah* ialah urusan dunia dan urusan akhirat. Namun demikian terdapat juga ulama yang memisahkan urusan-urusan dasar daripada urusan-urusan cabang dengan berhujah bahawa *siāsah Islāmiyah* itu berhubung dengan urusan pemerintah luar dan dalam, manakala agama pula berhubung dengan urusan ibadah dan muamalah di antara individu. Agama mempunyai hukuman terhadap *siāsah* sehingga ia dapat membimbingnya ke jalan yang lurus dan menjauhkannya daripada jalan pincang yang diikuti oleh *siāsah* yang sesat.²³

²² *Ibid.*

²³ Hazmin Abdul Mut'al, Dr., (t.t), *Al-Siāsah al-Islāmiyyah fi 'Ahdi al-Nubuwah*, Cairo: Dar al-Fikri al-'Arabi, hal. 9.

3.0 KEDUDUKAN POLITIK DI DALAM ISLAM

Al-Qur'an tidak menyentuh secara terperinci mengenai sistem politik tetapi tidak pula meninggalkan persoalan ini tanpa panduan. Justeru itu, asas prinsip-prinsip umum telah digariskan dengan meninggalkan perincian dan bentuknya kepada perkembangan semasa, tempat dan keadaan untuk disesuaikan dengan Islam.²⁴ Prinsip inilah yang akan menjadi landasan utama kegiatan politik negara berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Hadith bagi menepati matlamat sistem politik Islam.

Di samping itu, ciri utama Islam ialah kesempurnaan dan penyeluruhan (syumul). Tiada suatu pun yang ditinggalkan oleh Islam melainkan disentuh dan disebut di dalam ajarannya.²⁵ Apatah lagi sekiranya aspek itu merupakan bidang kehidupan manusia yang terpenting yang paling banyak mempengaruhi corak hidup dan tindakbalas mereka iaitu aspek politik, pentadbiran atau kenegaraan. Hanya insan yang sompong dan jahat sahaja yang sanggup menafikan kesempurnaan dan kesyurnal yang dimiliki oleh Islam.

Justeru, Imam Hasan al-Banna (1906-1949), pengasas dan pemimpin ulung Ikhwan al-Muslimin Mesir sewaktu menerangkan sudut kesyurnal Islam menegaskan bahawa Islam adalah negara dan tanahair, kerajaan dan rakyat.²⁶ Penegasan ini membuktikan keunggulan Islam berbanding dengan ajaran-ajaran lain.

Menegakkan pemerintahan Islam menjadi *sunnah 'amaliyyah* (praktikal) yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. apabila baginda berhijrah ke Madinah dan sanggup menolak tawaran memerintah Mekah dengan sistem yang bukan berasal daripada Islam. Hal ini menunjukkan bahawa menegakkan negara itu adalah perkara agama yang sangat

²⁴ Al-Mutawalli, Abdul Hamid, (1974), *Mabādi 'Nizām al-Ifkni fī al-Islām ma 'al Muqārānah bi-al-Mabādi 'al-Dustāriyyah al-Hudūhiyyah*, Iskandariyyah: al-Nasr al-Mu'ārif, hal. 239.

²⁵ Yusuf al-Qaradāwi, Dr., (1995), *Syūnūl al-Islām*, cet. 2, Qaherah: Maktabah Wahbah, hal. 43.

²⁶ *Majmū'ah Rasa'il Imām al-Syāhīl Hasan al-Banna*, (1988), al-Manṣūrah: Maṭābi' al-Wafā', hal. 311.

besar dan negara yang ditetapkan itu mestilah negara Islam yang memenuhi sifat-sifat dan syarat-syaratnya.²⁷

Selain itu, penegakan sebuah negara Islam menerusi sistem politik Islam yang adil adalah sebahagian daripada perlaksanaan konsep ibadah yang menjadi asas kepada penciptaan manusia dan jin oleh Allah Ta'āla. Segala percakapan, perbuatan, urusan dan hubungan sesama manusia mestilah bersifat ibadah kepada Allah. Tetapi konsep ibadah ini tidak akan dapat direalisasikan sekiranya muslim dikongkong oleh sistem kehidupan yang tidak berasal daripada Islam (jahiliyah)²⁸.

Oleh itu politik di dalam Islam mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia. Allah Ta'āla pemah memberitahu para malaikat r.a. bahawa Dia akan mencipta seorang khalifah di muka bumi yang akan bertindak sebagai wakil Allah di sana²⁹. Wakil Allah ini akan menguruskan segala aspek kehidupan masyarakat dengan menggunakan panduan dan peraturan yang didatangkan oleh Allah Ta'āla sendiri iaitu Islam.

Hal ini juga telah dirakamkan oleh al-Qur'an sewaktu menyebut kisah Nabi Allah Daud a.s. yang dilantik sebagai khalifah atau pemerintah oleh Allah Ta'āla.³⁰ Baginda telah diperintah agar memerintah negara dengan kebenaran (Islam) dan menjauhi hawa nafsu yang menjadi musuh keadilan dan kebenaran sewaktu menghukum.³¹ Peristiwa ini menjelaskan bahawa Islam yang diturunkan itu turut mengajar tentang persoalan pentadbiran dan politik secara terang dan nyata.

²⁷ Abdul Hadi Awang, Tuan Guru Haji, (1995), *Sistem Pemerintahan Negara Islam*, Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd., hal. 11-12.

²⁸ Abdul Karīm Zaidān, (1985), *Al-Fardū wa al-Daulah Fī al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, cet. 4, al-Ittiḥād al-Islāmi al-‘Ālami, hal. 9-10.

²⁹ Lihat surah al-Baqarah ayat 30.

³⁰ Lihat surah Ṣad ayat 26.

³¹ Ibn. al-Kathīr, Abu Fida' Ismail bin Kathīr, (1993), *Tafsīr al-Qur'ān al-‘Afīm*, juz. 4, Beirut: Dar al-Ma'rīfah, hal. 35.

Sebagai contoh lain, perhatikan firman Allah Ta'āla:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوْمٌ شَهِدُوا بِالْقُسْطِ وَلَا يُبَرِّدُكُمْ شَهْنَانٌ قَوْمٌ عَلَىٰ
أَلَا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Māidah 5:8)

Ayat ini menerangkan etika atau akhlak yang patut dimiliki oleh setiap penguasa atau pemerintah. Secara tersirat juga ia mengajar umat Islam supaya memilih orang-orang yang adil atau bertakwa sahaja sebagai pemimpin di dalam masyarakat. Hanya golongan ini sahaja yang mampu memerintah atau mentadbir dengan adil, cekap dan saksama.

Ringkasnya, Islam telah menghuraikan banyak perkara yang berhubung dengan persoalan politik meskipun bukan secara terperinci sama ada yang berkait dengan asas-asas pemikiran politik Islam, kenegaraan dan kekuatan negara atau sebagainya.

Di dalam urusan kenegaraan, selain mengatur hubungan manusia dengan Allah sahaja, Islam juga menyusun hubungan di antara sesama manusia, hubungan individu dengan jemaah dan hubungan jemaah dengan jemaah lain. Jemaah ini pula memilih suatu sistem siasah yang didukung oleh negara manakala negara pula mempunyai seorang ketua yang dikenali dalam istilah fقاه sebagai *imām* atau *khalifah*.³²

³²Sulaiman Muhammad al-Tanawi, Dr., (1967), *al-Sulūfūr al-Thalath*, Qāherah: Dār al-Fikri al-'Arabi, hal. 13.

Islam juga telah menerangkan asas bagi pembentukan sebuah negara, cara memilih Khalifah, menerangkan hak individu terhadap negara malah hak negara terhadap individu.

Di dalam pentadbiran sesebuah negara, bidang-bidang kuasa setiap unit pentadbiran juga telah ditentukan. Legislatif dengan bidang kuasanya untuk menggubal undang-undang negara, eksekutif pula melaksanakan undang-undang manakala kehakiman melaksanakan sistem keadilan. Kesemuanya telah diperincikan dalam ajaran Islam termasuklah cara perlantikan dan pemecatan mereka yang bertanggungjawab.³³

Pada masa yang sama undang-undang ciptaan manusia hanya mampu mengatur masyarakat secara zahir, tetapi tidak mengetahui sesuatu yang berada di luar lingkungan masyarakat tersebut. Sebab itu undang-undang tersebut mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan kerana ia hanya memberi perhatian kepada unsur-unsur keperluan sesama mereka sahaja. Apabila timbul masalah baru yang tidak dapat diselesaikan, mulalah manusia menggelabah mencari undang-undang baru untuk menyelesaikannya, lebih-lebih lagi undang-undang ciptaan manusia hanya mengambil kira faktor-faktor luaran yang bersifat kebendaan sahaja. Sedangkan unsur-unsur kerohanian atau kejiwaan tidak begitu dihiraukan.³⁴

Sebaliknya Islam mempunyai pandangan yang jelas, luas dan menyeluruh yang merangkumi bukan sekadar untuk kepentingan kebendaan atau keduniaan malah turut menitikberatkan unsur-unsur kerohanian atau keakhiran di dalam penggubalan undang-undangnya. Justeru, ia adalah sejagat dan adil.³⁵

³³ *Ibid*.

³⁴ Lari, Sayid Mujtaba Rukni Musawi Lari, (1974), *Western Civilisation Through Muslim Eyes*, Houston: Free Islamic Literature, hal. 61.

³⁵ *Ibid*, hal. 63.

Tegasnya hanya undang-undang ciptaan Allah Ta'āla sahaja yang mampu memberi kebahagiaan kepada manusia kerana peraturan ini amat bertepatan dengan kehendak dan fitrah semulajadi manusia lantaran kerana Dialah yang menjadikan manusia, sudah tentu Dialah juga yang mengetahui kehendak dan keperluan manusia.³⁶

4.0 ASAS POLITIK ISLAM

Politik Islam mempunyai asas kukuh yang berpaksikan tiga perkara utama iaitu:³⁷

4.1 Akidah

Akidah Islam ialah tunjang kepada pemerintahan atau sistem politik Islam yang paling utama. Berasaskan kepada akidah ini, politik Islam dan pemerintahan dibina. Akidah Islam menjelaskan bahawa hak pemerintahan sebenarnya menjadi hak mutlak Allah Ta'āla. Hal ini bertitik tolak daripada hakikat bahawa alam dan segala isi kandungannya merupakan ciptaan Allah Ta'āla dan Dialah pemiliknya yang mutlak.

³⁶Muhammad Abdul Qadir Abu Fáris, (1986), *al-Niqām al-Siāsi Fi al-Islām*, cet. 2, Jordan: Dár al-Furqān, hal. 30-31.

³⁷Abu al-A'la al-Maudūdi, (1986), *Khilafah dan Kerajaan*, (terj.), Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, hal. 47-53. Ahmad Syalaby, (1967), *Dasar Pemerintahan Islam*, (terj.), Singapura: Pustaka Nasional, hal. 19-21. Jamaluddin Kafie, (1987), *Islam, Agama dan Negara*, Singapura: Pustaka Nasional, hal. 57-60.

Hal ini telah dijelaskan oleh Allah Ta'āla di dalam ayat-ayat berikut:

(هو الذي خلق السموات والأرض بالحق)

Maksudnya: Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar.

(al-An'ām 6:73)

(قل الله خلق كل شيء وهو الواحد القهير)

Maksudnya: Katakanlah, "Allah adalah Pencipta segala sesuatu dan Dialah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Perkasa."

(al-Ra'd 13:16)

(يأيها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها

(زوجها وبث منها رجلاً كثيراً ونساء)

Maksudnya: Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah memperkembangiakkan laki-laki dan perempuan yang banyak.

(al-Nisā' 4:1)

(يأيها الناس اذكروا نعمت الله عليكم هل من خلق غير الله يرزقكم من السماء والأرض لا إله إلا هو فأننا توفكون)

Maksudnya: Hai manusia, ingatlah akan imamat Allah kepadamu. Adakah pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia; maka mengapakah kamu berpaling (dari ketauhidan)?

(I'ājir 35:3)

Oleh kerana Allah Ta'āla ialah pencipta dan pemilik alam, segala isi kandungannya serta manusia, Dialah juga merupakan penguasa, pentadbir dan pengurus perjalanan alam serta segala isi kandungannya termasuk manusia.

Hal ini dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

(لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا خَلَقَ التَّرْبَى)

Maksudnya: “Kepunyaan-Nya adalah semua yang ada di langit, semua yang di bumi, semua yang di antara keduanya dan semua yang di bawah tanah”.

(Fātihah 20:6)

(وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّهُ لَهُ قُنْطَوْنُ)

Maksudnya: “Dan kepunyaan-Nya siapa saja yang ada di langit dan di bumi. Semuanya hanya kepada-Nya tunduk”.

(al-Rūm 30:26)

(وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ وَالنَّجْوَمُ مُسْتَخْرِطٌ بِأَمْرِهِ، أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ، تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَلَمِينَ .)

Maksudnya: “...dan (diciptakan-Nya pula) matahari, bulan dan bintang-bintang (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam”.

(al-A'raf 7:54)

(يَدْبِرُ الْأَمْرَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مَقْدَارَهُ أَلْفَ سَنَةً مَا تَعْدُونَ .)

Maksudnya: “Dia mengatur urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepada-Nya dalam satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perlhitungannya”.

(al-Sajdah 32:5)

4.2. Syariah

Syariah adalah asas kedua bagi pemerintahan atau politik Islam. Disebabkan Allah adalah pencipta, pemilik dan pentadbir alam ini, Dialah juga yang Maha Mengetahui tentang segala keperluan yang dapat menyempurnakan kejadian ciptaan-Nya iaitu alam amnya dan manusia khasnya.

Salah satu penyempurnaan alam dan manusia ialah peraturan atau undang-undang yang menetapkan perjalanan alam yang dikenali sebagai *sunnatullāh* dan kehidupan manusia yang dikenali sebagai *syari'ah Islamiyyah*. *Syari'ah Islamiyyah* menjadi undang-undang terbaik untuk manusia kerana ia digubal oleh pencipta manusia sendiri iaitu Allah Ta'āla. Hal ini dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

(أَمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ لِهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ)

Maksudnya: “Tidakkah kamu mengetahui bahawa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah?”

(al-Baqarah 2:107)

(وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ)

Maksudnya: “... dan tidak ada sekutu bagi-Nya dalam kekuasaan (Nya)...”

(al-Furqān 25:2)

(وَهُوَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، لَهُ الْحَمْدُ فِي الْأُولَى وَالآخِرَةِ، وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تَرْجِعُونَ.)

Maksudnya: “Dan Dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, bagi-Nyalah segala puji di dunia dan di akhirat, dan bagi-Nyalah segala penentuan dan hanya kepada-Nyalah kamu dikembalikan.”.

(al-Qasas 28:70)

﴿ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلُّهُ لِلَّهِ ﴾

Maksudnya: “ Katakanlah: Sesungguhnya urusan itu seluruhnya di tangan Allah.”

(al-`Imrān 3:154)

﴿ مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشَرِّكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدٌ ﴾

Maksudnya: “...tak ada seorang pelindungpun bagi mereka selain daripada-Nya; dan Dia tidak mengambil seorangpun menjadi sekutu-Nya dalam menetapkan keputusan.”

(al-Kahf 18:26)

﴿ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَإِلَيْهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ. ﴾

Maksudnya: “Kepunyaan Nyalah kerajaan langit dan bumi. Dan kepada Allahlah dikembalikan segala urusan.”

(al-Hadid 57:5)

﴿ أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمْنَ لَا يَخْلُقُ، أَفَلَا تَذَكَّرُونَ. ﴾

Maksudnya: “Maka apakah (Allah) yang menciptakan itu sama dengan yang tidak dapat menciptakan (apa-apa)? Maka mengapa kamu tidak mengambil pelajaran.”

(al-Nahl 16:17)

4.3 Akhlak

Asas politik Islam yang ketiga ialah akhlak. Tanpa nilai akhlak yang benar, gambaran tentang nilai-nilai kebaikan dan kebenaran akan menjadi kabur. Akibatnya sewaktu mentadbir negara manusia mudah terjerumus ke lembah kesesatan kerana nafsu dan kepentingan diri sendiri dijadikan neraca timbangan.

Ukuran keadilan dan kezaliman juga akan berdasarkan kepada pertimbangan nafsu dan kepentingan diri mereka. Keadilan bertukar menjadi kezaliman manakala

kezaliman pula dirasakan sebagai keadilan. Tambahan pula sekiranya akhlak itu diserahkan kepada penilaian individu, nilai itu akan berbeza di antara seorang dengan seorang yang lain.³⁸

Al-Maudüdi (1903-1979), menjelaskan:

"Kebersihan akhlak dan kesuciannya di samping kemampuan kepintaran dan fizik setiap bahagian dalam urusan dalam negeri, sistem negara itu harus ditegakkan atas dasar amanah, keadilan, ketulusan dan persamaan. Sebagaimana politik luar negerinya harus ditegakkan atas dasar ketulusan sempurna dan berpegang teguh dengan ucapan-ucapan atau keputusan-keputusan yang telah dibuat dan mengusahakan adanya perdamaian dan keadilan antarabangsa serta perlaku yang sebaik-baiknya."³⁹

Akhlak yang menjadi asas politik Islam mestilah meliputi hal-hal peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan antarabangsa. Setiap bahagian itu mestilah memahami dan menghayati sepenuhnya akhlak-akhlak terpuji yang dianjurkan oleh Islam. Jika hal ini terjadi, negara Islam akan dipenuhi dengan keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan.⁴⁰

Justeru itu, akhlak mulia adalah asas penting politik Islam kerana manusia yang merupakan pemegang amanah Allah Ta'āla dipengaruhi oleh dua perkara yang menyebabkan mereka mudah tergelincir atau menyeleweng daripada pemerintahan yang sebenar. Pertama ialah nafsu tamakkan kekuasaan yang menyebabkan seseorang mudah lupa daratan dan mudah pula melakukan kezaliman. Kedua ialah dalam diri manusia ada nafsu kepentingan diri. Dengan nafsu ini seseorang itu amat mudah melakukan pilih kasih yang pasti berakhir dengan kezaliman.

³⁸ Muhammad Asad, (1987), *Sebuah Kajian Tentang Sistem Pemerintahan Islam*, (terj.), Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd Hal. 16.

³⁹ Abu al-A'la al-Maudüdi, (1986), *op.cit.*, hal. 52.

⁴⁰ Jamaluddin Kafie, *op.cit.*, hal. 60.

5.0 CIRI-CIRI POLITIK ISLAM

Pemerintahan atau politik Islam mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut di antaranya ialah:⁴¹

- i. Politik dan negara Islam ditegakkan atas kesedaran kemerdekaan dan kebebasan umat Islam. Kemerdekaan dalam erti kata yang sebenarnya ialah memenuhi fungsi manusia sebagai khalifah Allah Ta'āla di atas muka bumi ini iaitu kepatuhan kepada *Syari'ah Islamiyyah*.
- ii. Kekuasaan mutlak yang sebenarnya ialah hak milik Allah Ta'āla dan manusia cuma sebagai pemegang amanah-Nya. Khalifah pula adalah sebahagian daripada umat Islam yang dipilih menerusi ahli *al-Halli wa al-'Aqd*.⁴² Khalifah tiada hak untuk melaksanakan kuasa sebaliknya dia sendiri tertakluk kepada undang-undang Islam yang diturunkan oleh Allah Ta'āla kepada nabi-Nya.
- iii. Syura adalah ciri utama pemerintahan dan politik Islam. Ia berjalan menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang dilaksanakan secara syura.
- iv. Segala keputusan dan perlaksanaan dalam politik Islam mestilah bertujuan untuk kebaikan (maslahah) rakyat. Rakyat pula tidak menurut hawa nafsu mereka sebaliknya perlu patuh kepada ketentuan *Syari'ah Islamiyyah*.
- v. Rakyat negara Islam terdiri daripada mereka yang menyakini prinsip dan dasar-dasar negara Islam. Golongan bukan Islam juga dibenarkan menjadi rakyat negara Islam asalkan mereka mematuhi pemerintahan Islam.
- vi. Pembentukan negara dan politik Islam diasaskan kepada keimanan dan keyakinan serta kelepasan daripada ikatan keturunan, sempadan geografi,

⁴¹ Abu al-A'la al-Maududi, (1986), *op.cit.*, hal. 86-90.

⁴² *Ahl al-Halli wa al-'Aqd* ialah ahli majlis syura atau mesyuarat dan penentu keputusan bagi sesebuah negara Islam.

warna kulit, adat resam, bahasa dan sebagainya. Di samping itu, ia juga mengutamakan konsep tolong-menolong dan kasih sayang.

- vii. Negara Islam mengutamakan kepatuhan kepada akhlak yang mulia, bukan kepatuhan kepada politik semata-mata. Politik hanya sebagai alat dan bukannya manusia yang menjadi alat kepada politik. Sekiranya manusia menjadi alat kepada politik, akhlak mulia akan diketepikan. Sebaliknya manusia akan dikuasai oleh runtunan hawa nafsu dan akhlak yang keji sehingga menyebabkan negara dikuasai oleh kezaliman.
- viii. Tugas dan peranan politik dalam negara Islam mencakupi *amar ma'nif* dan *nabi mungkar*. Kedua-duanya wajib dilakukan secara serentak, bukan hanya melaksanakan salah satu daripada keduanya.
- ix. Nilai yang diutamakan ialah persamaan, tolong-menolong dan menggalakkan kebajikan serta menghalang kemungkaran.
- x. Hubungan pemerintah dengan rakyat bukan merupakan hubungan di antara pekerja dengan majikan dan rakyat tidak juga diberikan kebebasan sesuka hati. Sebaliknya pemerintah mempunyai tugas dan tanggungjawab yang menjadi hak rakyat, demikian juga rakyat mempunyai tugas dan tanggungjawab yang menjadi hak pemerintah.

6.0 SUMBER POLITIK ISLAM

Politik atau pemerintahan Islam bersumberkan tiga rujukan utama umat Islam iaitu al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijma'.⁴³

⁴³Roy P. Mottahedeh, 'The Foundation of State and Society', dalam Marjorie Kelly ed., (1984), *The Religious and Political Life of a World Community*, New York: Praeger Special Studies, hal. 55.

6.0.1 Al-Qur'an

Al-Qur'an yang terdiri daripada 6,666 ayat itu dan membicarakan tentang segala aspek kehidupan manusia adalah sumber utama dan terpenting bagi politik Islam. Contohnya terdapat 70 ayat berkaitan kekeluargaan, 70 ayat tentang jual beli, 50 ayat tentang jenayah, 200 ayat tentang perundangan dan 10 ayat tentang perlembagaan negara Islam secara khusus dan beratus-ratus yang lain berkaitan dengan pemerintahan dan politik secara umum.⁴⁴

Namun demikian, al-Qur'an tidak membicarakan persoalan politik Islam secara terperinci sebaliknya hanya sekadar menyebut perkara-perkara pokok atau prinsip umum yang meliputi kekuasaan mutlak Allah Ta'āla, pemerintahan sebagai amanah kepada manusia, pengendalian pemerintahan secara syura, tugas pemerintah, tanggungjawab rakyat dan sebagainya.⁴⁵

Di dalam surah al-Nisā', Allah Ta'āla telah berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَوَدُّوَا الْأَمْتَانَ إِلَى أَهْلَهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكِمُوا بِالْعَدْلِ، إِنَّ اللَّهَ نَعِمَا يَعْظِمُكُمْ بِهِ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعاً بِصَرِيرِهِا يَأْيُهَا الَّذِينَ عَانُوا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا الرَّسُولَ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ، فَإِنْ تَسْتَعْنُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُودٌ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تَؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.﴾

⁴⁴Mat Saad Baki, (1984), *Perlumbagaan Islam: Sumber Dan Prinsip*, Bangi: Ikatan Studi Islam, UKM, hal. 6.

⁴⁵*Ibid.*

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

(al-Nisā' 4: 58-59)

Ayat di atas menjelaskan tiga perkara penting iaitu:

- i. Ketua negara Islam sebenarnya merupakan pemegang amanah Allah Ta'āla dan Rasul-Nya. Dengan amanah itu dia bertanggungjawab untuk melaksanakan *Syari'ah Islamiyyah* dan berusaha untuk menyempurnakan kehidupan rakyat.
- ii. Institusi kehakiman bertanggungjawab untuk melaksanakan keadilan di kalangan rakyat.
- iii. Rakyat pula berkewajiban untuk menumpahkan segala kesetiaan dan ketiauan kepada ketua negara kerana dia adalah pemegang amanah Allah Ta'āla dan Rasul-Nya.⁴⁶

Ayat di atas juga menyebut tentang sumber kedaulatan di dalam politik Islam. Sumber kedaulatan ini secara mutlak datang daripada Allah Ta'āla. Kedaulatan pemerintahan dari aspek lain pula adalah daripada rakyat yang memberikan kekuasaan menerusi kesetiaan kepada pemerintah Islam.⁴⁷

Setelah al-Qur'an menjelaskan tentang kekuasaan Allah Ta'āla ke atas sekalian alam termasuk manusia, Allah Ta'āla dengan limpah *kudrat* dan *iradat*-Nya telah

⁴⁶Jamaluddin Kafie, *op.cit*, hal. 57.

⁴⁷*Ibid.*

menganugerahkan kekuasaan kepada setiap umat Islam sebagai khalifah-Nya di muka bumi ini untuk merealisasikan segala titah perintah-Nya khususnya dalam hal pemerintahan.

Berdasarkan ketentuan itu, setiap umat Islam berkewajiban membentuk pemerintahan Islam dengan memilih ketua negara melalui Majlis Syura. Inilah manifestasi daripada penyerahan kuasa rakyat yang menjadi sumber kekuasaan pemerintahan Islam.

6.0.2. Al-Sunnah

Al-Sunnah ialah segala yang datang daripada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda.⁴⁸ Ia menjadi sumber politik Islam yang kedua selepas al-Qur'an. Al-Que'an menggariskan prinsip pemerintahan Islam secara umum manakala al-Sunnah pula mentafsirkannya malah merealisasikan apa-apa yang digariskan oleh al-Qur'an. Justeru itu kedudukan al-Sunnah sebagai sumber pemerintahan dan politik Islam tidak dapat dipertikaikan.⁴⁹

Al-Sunnah telah merakamkan proses kelahiran negara Islam sepenuhnya yang bermula dengan dakwah secara sulit setelah Rasulullah s.a.w. menerima wahyu daripada Allah Ta'āla. Perkara-perkara yang dititikberatkan pada peringkat awal dakwah ialah ajaran akidah dan akhlak iaitu pembersihan jiwa, keteguhan peribadi dan kebajikan jemah yang mengatasi kepentingan diri sendiri. Sasaran utama dakwah pada peringkat awal ialah isteri, keluarga dan sahabat baginda yang terdekat.⁵⁰

⁴⁸ Wahbah al-Zuhaili, Prof., Dr., (1995), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 35.

⁴⁹ Jamaluddin Kafie, *op.cit.*, hal. 57.

⁵⁰ Said Ramadān al-Būti, Dr., (1990), *Fiqh al-Sīrah*, Dar al-Fikr, hal. 94.

Dakwah hanya dijalankan secara terbuka apabila mendapat perintah daripada Allah Ta'āla.⁵¹ Di sifatnya bermulanya siri penentangan dan penindasan pemimpin-pemimpin Quraisy yang mempunyai kepentingan ekonomi dan politik. Tekanan perasaan dan fizikal umat Islam berada pada paras yang kritikal apabila mereka bukan sahaja diejek, dimaki atau dihina malah kebanyakannya turut diseksa sehingga ada yang mati akibat seksaan itu.⁵²

Ketika itulah Allah Ta'āla menurunkan khabar gembira iaitu beberapa ayat yang menjelaskan bahawa umat Islam bukan sahaja akan menjadi pemerintah golongan yang menindas mereka malah pemerintah ke atas Rom dan Parsi.⁵³

Demi menyelamatkan umat Islam dan Islam sendiri, Rasulullah s.a.w. telah diperintahkan oleh Allah Ta'āla supaya berhijrah ke Yathrib. Baginda tiba di Yathrib pada tahun 622M dan membina negara Islam yang pertama. Di antara perkara-perkara yang dititikberatkan oleh baginda di dalam proses pembentukan negara Islam ialah⁵⁴:

- a. Melaksanakan *Syar'ab Islamiyyah* dalam segala aspek kehidupan.
- b. Mengakarkan kekuasaan untuk menjamin keamanan dan keselamatan negara.
- c. Membentuk pasukan tentera demi memastikan keamanan dalam dan luar negeri daripada ancaman musuh.
- d. Memastikan sumber pendapatan negara adalah mencukupi.
- e. Melahirkan warganegara yang setia dan cinta kepada negara.
- f. Mewujudkan wilayah pemerintahan yang tetap.

⁵¹ Perintah itu adalah menerusi wahyu Allah Ta'āla di dalam Surah al-Syu'ara' ayat 214-217.

⁵² Said Ramaḍān al-Būṭī, Dr., *op. cit.*, hal. 100.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ Jamaluddin Kafie, *op. cit.*, hal. 57.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Rasulullah s.a.w. telah menggubal Piagam Madinah yang mengandungi banyak ceraian.⁵⁵ Daripada fasal-fasal yang terdapat di dalam perjanjian Madinah tersebut, ada beberapa perkara yang membawa implikasi politik yang terpenting kepada umat Islam. Di antaranya ialah Rasulullah s.a.w. diiktiraf oleh semua golongan di Madinah sebagai ketua negara Islam malah kekuasaan umat Islam di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w. diakui. Kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan Madinah memberi peluang keemasan kepada penyebaran Islam secara terus terang, terbuka, aktif dan menyeluruh.⁵⁶

Tanggungjawab untuk mempertahankan Madinah menjadi kewajiban semua penduduk Madinah termasuk golongan non-muslim terutama golongan Yahudi. Negara Islam dengan perlaksanaan *Syari'ah Islamiyyah* sepenuhnya telah dapat direalisasikan oleh Rasulullah s.a.w. dan ini merintis jalan kepada kemunculan Islam sebagai kuasa dunia yang terbesar kemudiannya iaitu pada zaman Khulafā' al-Rāsyidīn.⁵⁷

Tegasnya al-Sunnah sebagai sumber kedua pemerintahan atau politik Islam memperlihatkan keunggulan dan kesempurnaannya. Kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang terserlah menerusi al-Sunnah ini menjadi bukti unggul serta boleh dijadikan teladan bagi generasi yang mendatang untuk membentuk pemerintahan atau politik Islam di muka bumi.

⁵⁵ Ibn Hisyām, Muhammad Abdul Malik, (11), *Sīrah al-Nabi s.a.w.*, juz. 2, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 119-123. Ahmad Syalaby, (1967), *op.cit.*, hal. 38-40. Lihat juga: lampiran A.

⁵⁶ Ahmad Syalaby, *ibid*, hal. 40.

⁵⁷ *Ibid.*

6.0.3. Ijma'

Ijma' juga merupakan sumber perundangan Islam yang penting.⁵⁸ Jika al-Qur'an menggariskan prinsip umum tentang pemerintahan atau politik Islam dan al-Sunnah sebagai pelaksana prinsip maka ijma' pula merupakan hasil *ijtihad* golongan ulama yang arif tentang hukum Islam berkaitan dengan sesuatu hal yang tidak terdapat sama ada di dalam al-Qur'an atau al-Sunnah.⁵⁹

Dari segi bahasa, "ijma'" bererti keazaman terhadap sesuatu. Dari sudut istilah pula ialah permuafakatan umat Muhammad s.a.w. khususnya (ulama *mujtabidIn*) di dalam mana-mana urusan yang berkait dengan agama.⁶⁰

Kedudukan ijma' sebagai sumber pemerintahan Islam diakui oleh Rasulullah s.a.w. sendiri ketika baginda melantik salah seorang sahabatnya, Mu'ādh bin Jabal sebagai gabenor di Yaman.⁶¹

Baginda bertanya: "Dengan apakah kamu akan memutuskan sesuatu perkara? Jawab Mu'ādh: "Dengan kitab Allah." Nabi bertanya lagi: "Jika kamu tidak dapat?" Jawabnya: "Dengan sunnah Rasulullah s.a.w. Nabi bertanya lagi: "Jika kamu tidak dapat juga?" Jawab Mu'ādh: "Aku berijtihad dengan fikiranku." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Alhamdulillah. Dia telah memberi petunjuk kepada gabenor Rasulullah s.a.w. dengan apa yang dikehendaki Allah dan Rasul-Nya."⁶²

⁵⁸ Abdul Karim Zaidan, Dr., (1989), *al-Madkhāl Li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, cet. 11, Beirut: Muassasah al-Risalah, hal. 165.

⁵⁹ Wahbah al-Zuhaili, *op.cit.*, hal. 46. Lihat juga: Harun Taib, (1981), *Kuasa Pemerintahan Islam*, Kuala Terengganu: Penerbitan Institut Berakan, hal. 13. Jamaluddin Kafie, *op.cit.*, hal. 82.

⁶⁰ Al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, (1993), *al-Mustaqṣā Min 'Ihn al-Usūl*, cet. 3, juz. 1, Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, hal. 173.

⁶¹ Muhammad al-Khudri Bek, (t.t), *Nur al-Yaqūn*, Jordan: Maktabah al-Risalah, hal. 180.

⁶² Ahmad bin Hanbal, (1954), *al-Musnād*, Mesir: Dar al-Ma'ārif, juz. II, hal. 54, 73, 165 dan 341. Ibn Sa'd, (1958), *Kitāb al-Jabaqat al-Kubrā*, Beirut, hal. 347. Ibnu Hisyam, *op.cit.*, juz. 2, hal. 316-319. Wahbah al-Zuhaili, Dr., *op. cit.*, hal. 60.

*Ijtihad*⁶³ para sahabat berbeza di antara satu sama lain. Namun, tidak seorang pun yang mendakwa *ijtihad* dialah yang terbaik. Meskipun sesorang *mujtahid* itu mempunyai kedudukan yang besar dan mulia namun *ijtihad*nya tetap bergantung kepada pengetahuan dan persekitaran. Justeru itu, jika *ijtihad* mereka menemui satu titik persamaan, ia dikira sebagai *ijma'*. Ini bermakna bahawa *ijma'* merupakan kesimpulan daripada permuafakatan pemikiran *mujtahidin* Islam.⁶⁴ Pintu *ijtihad* pula sentiasa terbuka kerana permasalahan umat Islam itu berbeza di antara satu zaman ke zaman yang lain dan dari satu tempat ke tempat yang lain.⁶⁵

Sebagai contoh, cara pemilihan Khulafā' al-Rāsyidīn adalah berbeza di antara satu sama lain.

Abu Bakar r.a. dicadangkan sebagai khalifah oleh Umar dan diterima oleh penduduk Madinah atas kehendak dan kemauan mereka sendiri dan mereka berbaiah kepada beliau. Sedangkan Umar bin al-Khaṭṭāb dicadangkan oleh Abu Bakar sebagai khalifah ketika Abu Bakar hampir wafat.⁶⁶ Sebelum Umar wafat, beliau menyeru agar Majlis Syura yang terdiri daripada enam orang itu memilih calon khalifah. Uthmān bin Affān akhirnya terpilih. Selepas kewafatan Uthmān, Ali bin Abi Tālib pula dipilih oleh

⁶³ *Ijtihad* bererti mencurahkan segala kemampuan bertujuan untuk mendapatkan hukum syarak yang bersifat praktikal dengan cara *istimbah* (mengambil kesimpulan hukum). Lihat: al-Syaukāni, (1937), *Irsyād al-Fuhūl ilā Tahqīq al-Haq min 'Ilm al-Uṣūl*, Misr, hal. 250.

⁶⁴ Wahbah al-Zuhaili, *op.cit.*, hal. 46.

⁶⁵ Sebenarnya persoalan *ijtihad* adalah perkara besar yang menjadi topik perbahasan para ulama di sepanjang zaman. Ini kerana terdapat di kalangan ulama yang berpendapat bahawa pintu *ijtihad* telah tertutup selepas keempat-mazhab utama dalam Fiqh iaitu Maliki, Hanbali, Hanafi dan Syafie diterima dan diakui. Malah ada yang berpendapat pintu *ijtihad* telah tertutup semenjak tahun 200H/816M lagi. Namun terdapat sebahagian lagi seperti Imam al-Syaukani yang menyatakan bahawa ia tidak pernah tertutup malah sentiasa terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak. Penulis lebih bersetuju dengan pendapat kedua dengan berlandaskan di atas alasan bahawa pada setiap zaman dan di setiap tempat, terdapat pelbagai perkara dan persoalan yang memerlukan *ijtihad* daripada para ulama yang berilmu, warak serta memenuhi segala syarat yang telah ditetapkan terutama pada zaman mutakhir ini. Malah umat Islam masih memiliki sumber yang sekian lama dipegang teguh iaitu al-Qur'an dan al-Hadith yang menjadi panduan utama ketika mengeluarkan hukum.

⁶⁶ Al-Tabari, (1939), *Tārikh al-Umam wa al-Mulūk*, jil. 3, Qaherah: al-Matba'ah al-Istiqrāmah, hal. 618.

umat Islam di Masjid Madinah.⁶⁷

Hal ini menunjukkan bahawa ijma' ulama itu boleh berbeza dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi dan lokasi. Pelbagai bentuk serta cara pemilihan dan pemerintahan Islam boleh berlaku menurut keputusan ijma'. Namun ia tetap tidak terkeluar daripada garis dan prinsip yang telah diasaskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dari sini jelas menunjukkan bahawa pemerintahan atau politik Islam mempunyai sumber yang sempurna dan mantap. Kesempurnaan berpunca daripada al-Qur'an yang merupakan wahyu daripada Allah Ta'āla dan dianggap sebagai anugerah terbesar yang mustahil dapat dicapai oleh akal manusia. Ia diperkuatkan oleh al-Sunnah yang mempraktikkan ajaran al-Qur'an berkaitan dengan perkara pemerintahan atau politik. Akhirnya ia dimantapkan oleh ijma' yang merupakan daya usaha para *mujtahidin* untuk menyelesaikan masalah ummah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.

7.0 CITA-CITA POLITIK ISLAM

Cita-cita politik Islam ialah mewujudkan sebuah sistem politik yang direhdai Allah, melaksanakan syariah Islam di tengah masyarakat serta melahirkan ketenteraman dan kedamaian di tengah masyarakat.⁶⁸ Cita-cita ini terangkum di dalam konsep "sebuah negara yang baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun" (بلدة طيبة و رب غفور).⁶⁹

⁶⁷ *Ibid*, hal. 292-296. Lihat juga: Ibn al-Athīr, (1937), *Idārāt al-Tabā'ut al-Munīriyyah*, jil. 3, Mesir, hal. 34-37. Ibnu Qutaibah (1912), *al-Imānah wa al-Siāsah*, jil. 1, Mesir: Matba'ah al-Futūh, hal. 23.

⁶⁸ Abdul Karim Zaidān, (1985), *op.cit*, hal. 20.

⁶⁹ Abd. Muin Salim, Dr., (1994), *Konsepsi Kekuasaan Politik Dalam Al-Qur'an*, Jakarta: Pt. Rajagrafindo Persada, hal. 298.

Inilah tumpuan dan fokus utama Islam supaya apabila tercapainya matlamat dan cita-cita ini, peranan manusia sebagai seorang *abid* yang diberi tugas sebagai seorang khalifah untuk memakmurkan bumi demi mencapai kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.⁷⁰

Cita-cita itu pula hanya dapat dicapai menerusi iman yang benar dan amal yang soleh. Ini bermakna manusia secara kolektif harus mengakui dan mengikuti kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan melaksanakan usaha pembangunan jasmani dan rohani di samping memelihara dan mengembangkan keamanan. Pada hakikatnya usaha ini adalah penerapan hukum-hukum dan ajaran-ajaran agama yang diwajibkan ke atas setiap mukmin dan pemerintah sebagai pemegang amanah kekuasaan politik. Dari sini, jelaslah bahawa kekuasaan politik menjadi syarat kepada cita-cita untuk menegakkan ajaran Islam secara komprehensif.⁷¹

Kedamaian dan ketenteraman hanya akan tercapai apabila keadilan terlaksana di tengah masyarakat. Lantaran itu melaksanakan keadilan menjadi cita-cita Islam dan kewajiban terpenting umat Islam. Seluruh umat Islam telah bersepakat bahawa pemerintah Islam wajib melaksanakan keadilan di dalam pemerintahan agar tercapai kedamaian yang diimpikan.⁷²

Sementara itu, seseorang yang diberikan mandat untuk memimpin mestilah berusaha melaksanakan Islam di dalam dan di luar negerinya. Beliau mestilah iltizam dengan Islam, patuh secara mutlak kepada hukum Allah. Matlamatnya adalah semata-mata untuk Islam, syiaranya ialah menegakkan kerajaan Allah, menyatukan ummah, menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w., memenangkan syariah Islam dan berjihad pada jalan Allah sehingga kalimah Allah menjadi tertinggi di dunia.⁷³

⁷⁰*Ibid.*

⁷¹*Ibid.*

⁷²al-Fakhr al-Razi, (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, cet. 2, Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, juz. 10, hal. 141.

⁷³Sa'īd Ḥawwa, (1988), *Jundullāh* (terj. oleh Mohd Akhir Hj. Yaacob), cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hal. 86.

8.0 PERBANDINGAN POLITIK ISLAM DENGAN POLITIK BARAT

Islam sebagai suatu sistem sosial yang lengkap dan melengkapi berbeza dengan sistem Barat yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat manusia pada hari ini. Ia tidak pernah menimbulkan masalah dan kesulitan kepada manusia berbanding dengan sistem Barat.⁷⁴ Sebagai suatu sistem politik yang luhur dan kudus, politik Islam meletakkan matlamat utama untuk membentuk keimanan masyarakat serta menjaga kepentingan mereka. Pembentukan keimanan itu menjadi matlamat asas kepada sebuah negara Islam.⁷⁵

Di samping itu kerajaan Islam tidak pernah mengabaikan kepentingan rakyat sama ada dari kalangan orang-orang Islam atau bukan Islam. Ini kerana bagi seseorang pemerintah Islam, dia diberi ganjaran oleh Allah Ta'āla berdasarkan kepatuhannya ketika di dunia dan penghindarannya daripada segala dosa.⁷⁶ Maka untuk memperolehi kesejahteraan di akhirat, seorang pemerintah Islam mesti menjalankan segala kewajiban yang telah diamanahkan kepadanya iaitu membawa kebaikan kepada rakyat dan melindungi mereka daripada segala kejahanatan.⁷⁷

Sebaliknya, tujuan utama negara sekular ialah untuk memenuhi kepentingan awam. Namun konsep kepentingan awam ini berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain berdasarkan kepada falsafah politiknya, idea-idea ekonomi dan sosial yang terdapat di dalamnya.⁷⁸

⁷⁴ Syed Qutb, (1987), *Dirāsāt Islāmiyyah*, cet. 7, Beirut: Dar al-Syurūq, hal. 87.

⁷⁵ Muhammed S. El Awa, (1991), *Sistem Politik Negara Islam*, (terj. oleh Mohd Isa Che Dir), Kuala Lumpur: DBP, hal. 84.

⁷⁶ *Ibid*, hal. 85.

⁷⁷ Izzuddin bin al-Salam, (1968), *Qawā'id al-Āfākām*, Qaherah, hal. 74.

⁷⁸ *Ibid*, hal. 88-89.

Sistem politik Barat bertujuan menuaskan keperluan kehidupan manusia di dunia tanpa menghiraukan keperluan kehidupan di akhirat. Demi memenuhi matlamat tersebut, mereka sanggup berbuat apa sahaja asalkan matlamat dan kehendak mereka tercapai. Di bawah sistem politik Barat juga, kekuasaan seringkali hanya berpusat di tangan individu tertentu sahaja sehingga menyebabkan kezaliman bermaharajalela di dalam masyarakat. Aspek keadilan terlempar jauh daripada masyarakat. Hal ini sama sekali tidak berlaku di bawah sistem politik Islam.

Berbeza dengan sistem politik Barat, peraturan pemerintahan negara yang digubal oleh Islam bukanlah berbentuk aristokrasi, demokrasi, komunis atau teokrasi.⁷⁹

Pemerintahan teokrasi ialah pemerintahan agama yang menjadikan pengajaran ketuhanan sebagai kekuasaan tertinggi. Di dalam politik negara yang mengamalkan corak teokrasi, pemerintah hanya bertanggungjawab di hadapan Allah, bukan di hadapan rakyat. Sebaliknya di dalam Islam, pemerintah bukan setakat bertanggungjawab sepenuhnya di hadapan Allah malah terpaksa juga bertanggungjawab di hadapan rakyat.⁸⁰

Pemilihan pemerintah di dalam sistem teokrasi Barat adalah daripada kalangan rakyat sama ada secara langsung atau mencrusi pemilihan beberapa individu. Pemerintah yang terpilih dipercayai mendapat sokongan sejenis roh dari Allah yang memilih dan melantiknya untuk menjaga kepentingan rakyat yang diperintah. Sebagai contoh, Raja Louis XV pernah menyatakan di dalam surat titahnya yang dikeluarkan pada tahun 1770:

*"Kami menerima mahkota daripada Allah dan kuasa menggubal undang-undang adalah khusus untuk kami seorang sahaja, tidak secara warisan atau pembahagian."*⁸¹

⁷⁹ Ahmad Amīn, Dr., (1988), **Yaum al-Islām**, (terj. oleh Hj. Dusuki Hj. Ahmad), Kuala Lumpur: DBP, cet. 2, hal. 36

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid*, hal. 36.

Raja Jerman, Raja Galium juga pernah menyatakan dalam tahun 1916:

*"Sesungguhnya raja itu mendapat kuasanya dari Allah dan tidaklah dibentangkan tugasnya melainkan kepada Allah. Sesungguhnya di atas prinsip inilah aku melaksanakan tugas-tugas politik dan kerja-kerjaiku."*⁸²

Golongan sekular sama ada di Barat atau Timur melontar tuduhan palsu terhadap negara Islam bahawa ia adalah pemerintahan teokrasi yang memerintah dengan suatu perundangan yang dinamai *al-haq al-lāhi*.⁸³

Selain itu, sebagai suatu perbandingan lain, sistem demokrasi Barat yang menjadi pilihan kebanyakan negara di dunia pada masa kini turut berbeza dengan sistem politik Islam. Demokrasi Barat memberikan kekuasaan penggubalan undang-undang dan tatacara hidup kepada rakyat. Sebab itulah undang-undang negara diwarnai oleh kesronokan hawa nafsu rakyatnya.⁸⁴

Sistem ini secara jelas telah mengetepikan prinsip Islam dan hanya mengutamakan kehendak orang ramai semata-mata. Pemerintah hanya memerlukan 51% suara rakyat dan mengetepikan 49% suara yang lain. Sebaliknya Islam menyerahkan hak pemerintahan kepada kekuasaan Allah Ta'āla. Sebab itulah ia dipanggil kerajaan Allah kerana menyerahkan segala kekuasaan pemerintahan dan penciptaan undang-undang kepada-Nya.⁸⁵

Di samping itu undang-undang rekaan manusia boleh diubahsuai atau digantikan dengan undang-undang lain apabila tidak dikehendaki oleh rakyat. Manakala undang-undang Islam tidak boleh diperbuat demikian kerana Islam menolak kedaulatan rakyat. Sebaliknya kedaulatan undang-undang di dalam Islam hanyalah kedaulatan Allah Ta'āla

⁸² *Ibid.*

⁸³ Yusuf al-Qaradāwi, *Fiqh al-Daulah*, *op.cit.*, hal. 56.

⁸⁴ Abu al-A'la al-Maududi, (1968), *Nazariyyah al-Islām al-Sīsiyyah*, Dimasyq: Dar al-Fikr, hal 29.

⁸⁵ Sayid Mujtaba Rukni Musawi Lari, *op.cit.*, hal. 29.

mencrusi sistem khalifah kerajaan Allah. Sebenarnya hal ini tidak bererti hak masyarakat di dalam penggubalan undang-undang dirampas atau dinafikan malah fenomena ini merupakan suatu perlindungan dan jaminan keselamatan manusia daripada kesesatan dan huru-hara.

Abu al-A'la al-Maudūdi telah menjelaskan perkara ini dengan terperinci. Menurutnya, manusia dengan akalnya tidak mampu menggubal undang-undang yang menyeluruh, tepat dan mutlak sedangkan Allah Ta'āla Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui adalah lebih arif tentang *fitrah* semulajadi manusia dan keperluan mereka. Dialah yang lebih pakar dalam mengatur sesuatu yang membawa kepada kebahagiaan sejagat.⁸⁶

Demokrasi sekular Barat, walaupun pada teorinya diasaskan kepada pandangan majoriti tetapi dalam hal penggubalan undang-undang, hanya segelintir kecil daripada rakyat yang terlibat. Mereka akan mewakilkan kedaulatan mereka kepada orang lain. Wakil-wakil inilah yang berkuasa untuk memaksa rakyat. Merekalah juga yang akan memisahkan nilai-nilai akhlak daripada cara hidup yang lain. Dengan pemisahan ini golongan wakil yang terpilih mudah menyelewengkan kuasa dan menipu rakyat dengan slogan kemajuan dan kemakmuran rakyat tetapi pada hakikatnya untuk kepentingan diri mereka sendiri.⁸⁷

Walaupun undang-undang demokrasi digubal menurut aspirasi dan keinginan rakyat namun rata-rata mereka tidak dapat menggubal undang-undang berdasarkan kebenaran. Ini kerana akal manusia hanya dapat melihat aspek-aspek tertentu daripada kehidupan sebaliknya gagal untuk menghayati hakikat kepentingan kehidupan secara menyeluruh. Biasanya mereka dipengaruhi oleh perasaan dan kepentingan nafsu mereka.⁸⁸

⁸⁶ Abu al-A'la al-Maudūdi, (1968), *op.cit.*, hal. 33.

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ Fathi al-Duraini, Dr., (1987), *Khaṣāṣ al-Tusyri' al-Islāmi Fi al-Siāsah wa al-Ḥukmi*, cet. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 370.

Sebagai contoh, sebilangan besar rakyat Amerika Syarikat bersetuju bahawa minuman keras banyak mendatangkan keburukan dan punca jenayah yang terbesar lalu pada tahun 1918, mereka mengadakan undang-undang melarang minuman keras.⁸⁹ Namun ternyata undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan kerana mereka sendiri yang menentang undang-undang tersebut lantaran minuman keras menjadi adat kebiasaan mereka. Maka dalam tahun 1933, larangan ke atas minuman keras ditarik balik.⁹⁰

Dalam sistem demokrasi Barat, kadang-kadang wakil-wakil yang menggubal peraturan sendiri tidak dapat mematuhi peraturan tersebut. Rakyat tertakluk kepada peraturan itu manakala mereka terlepas. Mereka mengalakkkan rakyat berbuat kebaikan tetapi diri sendiri melakukan maksiat dan kejahanatan. Oleh kerana kebuasan nafsu tiada sempadan, manusia sering menyeleweng kuasa yang ada pada diri mereka; dari untuk kepentingan rakyat kepada kepentingan diri sendiri.

Sebaliknya di dalam politik Islam, Allah Ta'āla telah meletakkan batasan tertentu untuk mengawal manusia (hudud). Undang-undang yang datang dan dicipta sendiri oleh Allah Ta'āla ini mempunyai prinsip tetap yang tidak berubah. Manusia bebas bergerak di dalam ruang yang telah ditetapkan. Ini bererti manusia mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang dengan syarat mestilah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh undang-undang ciptaan Allah Ta'āla.⁹¹

Menurut Abu al-A'la al-Maudüdi lagi, politik Islam adalah undang-undang yang serba lengkap untuk manusia daripada Allah Ta'āla. Sebenarnya ini adalah rahmat yang tidak terhingga besarnya kepada manusia. Manusia yang yang serba lemah ini sudah tentu tidak mampu menjelaskan kesempurnaan syariah Allah ini apatah lagi untuk menggunakan akal mereka untuk menggubal undang-undang sesempurna syariah untuk manusia. Syariah adalah jalan rentas kepada jalan yang tidak berpenghujung dan tidak

⁸⁹ Yusuf al-Qarađāwi, Dr., (1985), *Al-Imān wa al-Hayāh*, (terj. oleh Fachruddin HS.), Dewan Pustaka Fajar, hal. 177.

⁹⁰ *Ibid*, hal. 178.

⁹¹ Al-Maudüdi, (1968), *op.cit*, hal. 36.

bercepi serta mudah menjerumuskan manusia ke lembah kesesatan, jika ia mahu diterokai oleh manusia. Batasan yang telah ditentukan oleh syariah merupakan pemeliharaan dan perlindungan daripada bahaya kesesatan.⁹²

Syariah tidak akan berubah hingga akhir zaman nanti kerana ia dipelihara oleh Allah Ta'āla di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an sebagai mukjizat terbesar yang pernah diturunkan oleh Allah Ta'āla mempunyai kekuatan tersendiri kerana ia bukan sahaja tidak dapat diubah oleh manusia atau jin daripada segi isi, malah setiap kalimahnya dipelihara oleh Allah Ta'āla.⁹³

Maka terbukti bahawa politik sekularisme memberi kekuasaan kepada para penguasa hasil daripada perjuangan politiknya. Manakala konsep yang mengawal dan mengarah pemerintahannya dikawal oleh ideologi yang terhasil daripada falsafah politik itu. Politik Islam pula adalah berbeza. Kekuasaan terletak pada Yang Maha Kuasa. Hak membuat undang-undang dan hak pemerintahan hanya milik-Nya. Kewajiban manusia ialah mentaati undang-undang dan perintah Allah sementara pemerintah hanya menjalankan kekuasaan atau hukum Tuhan sahaja.⁹⁴

Sebagai penutup kepada bab ini, di sini dinyatakan keistimewaan *Syari'ah Islamiyyah* daripada perlembagaan manusia seperti yang telah disebut oleh pemimpin Ikhwan al-Muslimin, al-Syahid Abdul Qādir Audah (m. 1954):

- i. Kesempurnaan. Syariah Islam bersifat sempurna yang mampu memenuhi keperluan umat manusia pada masa lampau, kini dan akan datang. Sebaliknya perlembagaan manusia penuh dengan kelemahan, kekurangan dan kecacatan kerana ia digubal oleh fikiran manusia yang lemah, kurang dan singkat.

⁹²*Ibid.*

⁹³*Ibid.*, hal. 37.

⁹⁴Sidi Gazalba, Drs, *op.cit*, hal. 53-54.

- ii. Ketinggian. Syariah Islam memiliki kaedah dan prinsip-prinsip yang maha tinggi melebihi peringkat lapisan (darjah) manusia. Prinsip ini mampu mengawal manusia walaupun setinggi mana darjah mereka.
- iii. Kekal. Syariah Islam berbeza daripada perlumbagaan manusia kerana ia bersifat kekal yang tidak akan dipindah atau diubah meskipun zaman dan tempatnya berubah. Kebaikan syariah Islam tetap dijaga oleh Tuhan Yang Maha Penyayang pada setiap masa dan tempat.⁹⁵

⁹⁵ Abdul Qadir 'Audah, (1985), *Al-Islām Baīn Jahlī Abnā'ihī wa 'Ajzī 'Ulamā'ihī*, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 22.